

04 SEP 1998

Abdullah-Anwar

KEPUTUSAN MT SATU PERAKUAN TERHADAP PEMECATAN ANWAR

Oleh: E Sivabalan

DURBAN, 4 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata keputusan Majlis Tertinggi Umno untuk memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti merupakan satu perakuan kepada tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melucutkan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Keputusan MT merupakan satu endorsement kepada keputusan Perdana Menteri itu," kata beliau kepada wartawan Malaysia di sini.

Abdullah, yang juga Menteri Luar, berada di sini untuk mewakili Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak ke-12 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berakhir semalam.

Abdullah berkata beliau telah memaklumkan melalui sepucuk surat kepada Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, mengenai sokongannya terhadap apa-apa tindakan MT terhadap kedudukan Anwar dalam parti sebelum mesyuarat NAM itu bermula.

"Saya telah menghantar sepucuk surat kepada Perdana Menteri melalui Setiausaha Kerja Umno mengenai tindakan yang akan diambil (terhadap Anwar) dan akan menyokong tindakan itu," kata beliau.

Abdullah berkata beliau menerima laporan mengenai pemecatan Anwar itu sejurus selepas tamatnya mesyuarat MT di Kuala Lumpur awal pagi tadi.

"Ini satu keputusan yang tidak pernah berlaku (dalam sejarah Umno). Tetapi tentu sekali ada sebab-sebabnya untuk ahli-ahli MT membuat keputusan (memecat Anwar)," kata beliau.

Abdullah berkata beliau dimaklumkan bahawa walaupun anggota-anggota MT diberi pilihan sama ada untuk mengundi secara rahsia atau terbuka mengenai kedudukan Anwar dalam parti, mereka memilih untuk membuat keputusan secara sebulat suara supaya Anwar dipecat.

"Yang penting sekarang ialah ahli-ahli Umno memahami keputusan (MT) itu. Tugas kita ialah untuk menerangkan kepada ahli-ahli Umno (mengapa tindakan itu perlu diambil)," kata beliau.

Abdullah berkata adalah penting supaya Umno terus kekal sebagai parti tulang belakang kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

"Adalah menjadi kewajipan kita untuk menyokong Perdana Menteri," kata beliau.

-- BERNAMA

ES rn